

# RESOLUSI DUABELAS PERKARA MEMARTABATKAN BAHASA MELAYU DI INSTITUSI PENDIDIKAN

Tanggal 11 dan 12 Mei 2010 melakarkan sejarah tersendiri apabila sebuah kolokium peringkat kebangsaan berjaya dilaksanakan julung-julung kalinya di bumi Sabah negeri di bawah bayu dengan kehadiran lapan tokoh tersohor dan lebih 300 peserta bagi membincangkan martabat bahasa Melayu. Usaha Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial (SPPS) Universiti Malaysia Sabah dengan kerjasama Kerajaan Negeri Sabah, Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Negeri Sabah, Jabatan Pelajaran Negeri Sabah dan Bahagian Koporat Universiti Malaysia Sabah telah berjaya menganjurkan Kolokium pada peringkat kebangsaan Memartabatkan Bahasa Melayu Di

adalah bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi yang perlu diamalkan oleh semua rakyat Malaysia dalam mewujudkan perpaduan, perhubungan dan pengembangan ilmu serta menjadi lambang kekuatan jatidiri dan semangat nasionalisme Malaysia dalam usaha membina bangsa yang kukuh. Ketiga, gagasan 1 Malaysia yang berteraskan Perlembagaan dan Rukun Negara tetap meletakkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan perlu dilihat sebagai semangat 'penerimaan' terhadap satu pegangan yang menjadi asas perpaduan setiap rakyat Malaysia. Keempat, gagasan memartabatkan bahasa Melayu hendaklah dilaksanakan secara jujur dan berterusan dalam

kepada kerajaan Malaysia.

Resolusi kolokium ini diperoleh hasil cetusan idea, pemikiran, pandangan, hujahan dan ulasan yang bernas, jitu, konkrit, jelas dan terperinci daripada tokoh-tokoh dari pelbagai bidang iaitu pembuat dasar Kementerian Pelajaran Malaysia, tokoh akademik, tokoh pendidik, pejuang bahasa dan tokoh-tokoh dari badan bukan kerajaan (NGO) yang terdiri daripada PENA dan GAPENA. Turut menyumbang ialah pandangan dan cadangan daripada peserta kolokium yang terdiri daripada golongan pendidik, pelaksana dasar dan ibu bapa. Resolusi ini dapat memantapkan lagi



Institusi Pendidikan. Kolokium ini berjaya mengumpulkan golongan pembuat dasar kementerian, tokoh akademik, pejuang bahasa dan tokoh-tokoh dari badan bukan kerajaan (NGO) berhujah, membincang, mengemukakan pandangan dan saranan mereka dalam mewujudkan satu keputusan atau concensus yang dapat dikemukakan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia untuk dijadikan cadangan dan penambahbaikan kepada dasar baharu iaitu Memartabatkan Bahasa Melayu dan Memantapkan Bahasa Inggeris (MBM-MBI). Idea, pemikiran, pandangan, hujahan dan ulasan yang bernas, jitu serta konkrit telah dapat dihasilkan dengan jelas dan terperinci. Natijahnya sebuah resolusi mapan mengandungi 12 perkara telah dibina untuk direalisasikan pelaksanaannya serta menjadi garis panduan pelaksanaan dasar MBM-MBI.

Profesor Datuk Dr. Abdul Latiff Abu Bakar selaku pengerusi jawatankuasa resolusi kolokium telah menggariskan dua belas perkara dalam resolusi tersebut. Pertama, Kementerian Pelajaran Malaysia hendaklah bertindak tegas serta membuat perancangan dan persediaan rapi bagi merealisasikan gagasan MBM-MBI. Kedua, bahasa Melayu

semua hal dan keadaan. Kelima, mewajibkan sastera Melayu diajar dari sekolah rendah lagi dan mewajibkan pelajar tingkatan enam, matrikulasi dan diploma mengambil mata pelajaran bahasa Melayu serta jadikan syarat lulus dalam peperiksaan khas bahasa Melayu sebelum memasuki universiti. Keenam, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) perlu merealisasikan komitmen dalam bentuk amalan bagi memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu yang tidak diragui. Ketujuh, KPT hendaklah mengarahkan semua Institusi Pengajian Tinggi memartabatkan bahasa Melayu melalui pengajaran, penyelidikan dan penerbitan. Kelapan, dasar kenaikan pangkat perlu mengambil kira penerbitan karya dan jurnal dalam bahasa Melayu dengan melihat kualiti penemuan penyelidikan dan kejayaan itu disampaikan di peringkat antarabangsa dengan pelbagai strategi dan kaedah. Kesembilan, sesuatu perubahan terhadap dasar penting negara hendaklah berpandukan kepada pandangan para ilmuan yang pakar dan disertai dengan kajian yang terperinci. Kesepuluh, memartabatkan bahasa Melayu bukan bererti menentang bahasa asing sebagai bahasa komunikasi dan ilmu di negara kita, sebaliknya bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa asing lain wajar didedahkan dan dimantapkan kepada pelajar. Kesebelas, dasar MBM-MBI dan pemansuhan PPSMI diharap akan kekal berterusan dan dipanjangkan pelaksanaannya di peringkat tingkatan enam, matrikulasi serta

cadangan dan rumusan yang dapat dikemukakan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia khususnya dan Kementerian Pelajaran Tinggi amnya untuk tindakan. Diharapkan segala cadangan dan rumusan yang diterjemahkan dalam satu resolusi tersebut akan dapat membantu membaiki pelaksanaan dan kualiti pendidikan negara.

Kolokium selama dua hari pada 11 dan 12 Mei yang baharu lalu berlangsung di Dewan Resital, Sekolah Pendidikan Seni, Universiti Malaysia Sabah berjaya mencapai kesemua objektifnya iaitu pertama, memberi peluang kepada tokoh pendidik, pejuang bahasa dan NGO membentangkan pendapat, cadangan dan saranan mereka. Kedua, memberi peluang kepada peserta yang terdiri daripada golongan pendidik, pelaksana dasar, ibu bapa dan ahli bahasa untuk bertukar-tukar idea dan pandangan bagi memantapkan lagi cadangan dan saranan kepada rumusan kolokium. Ketiga, mencari kata sepakat dan rumusan yang konkrit daripada Kolokium ini untuk menjadi suatu cadangan yang bernas, konkrit dan jitu kepada Kementerian Pelajaran Malaysia untuk penambahbaikan bagi melaksanakan dasar tersebut. Kolokium bertemakan "Memartabatkan Bahasa Melayu dan Memperkukuhkan Bahasa Inggeris" dengan enam subtema dan disampaikan oleh lapan tokoh mewakili pelbagai badan dan agensi iaitu Y.Bhg. Dr. Hj. Muhiddin Yusin, Pengarah Jabatan Pelajaran Negeri Sabah membentangkan kertas kerja *Memartabatkan Bahasa Melayu di Sekolah: Pendekatan, Isu dan Cadangan*; Y.Bhg. Datu Dr. Hj. Julaihi Hj Bujang, Pengarah Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak, *Usaha-usaha Memantapkan Bahasa Inggeris Dalam Bidang Kurikulum dan Kokuikulum Sekolah*; Y.Bhg. Tan Sri Dato' Hj. Alimudin Mohd. Dom, Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, *Dasar Memartabatkan Bahasa Melayu dan Memperkukuhkan Bahasa Inggeris: Pandangan Pembuat Dasar*, Y.Bhg. Profesor Dr.



pengajian tinggi awam dan swasta. Keduabelas, ucapan tahniah dan penghargaan kepada penganjur kolokium iaitu Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Sabah, kerajaan negeri Sabah dan Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Negeri Sabah di atas daya usaha menganjurkan kolokium yang menjadi wadah bagi tokoh akademik, pendidik, pejuang bahasa serta para peserta mengemukakan pandangan dan maklum balas untuk dimajukan

Teo Kok Seong, Felo Penyelidik Utama Institut Alam Melayu, UKM (Ahli Akademik), *Pemansuhan PPSMI Tahun 2012: Implikasinya Terhadap Pemertabatan Bahasa Melayu di Institusi Pendidikan*, Y.Bhg. Profesor Dato' Dr. Sidek Baba, Institut Pendidikan, UIA (Tokoh Pendidik), *Memartabatkan Bahasa Melayu dan Memperkukuhkan Bahasa Inggeris: Pandangan Tokoh Akademik*, Y.Bhg. En. Muhamad Salleh Rahamad, Timbalan Presiden PENA (PENA/NGO), *Memperkasa Mata Pelajaran Bahasa Melayu Melalui Penghayatan Kesusasteraan Melayu*, Y.Bhg. Profesor Emeritus Dr. Abdullah Hassan, Institut Peradaban Melayu, UPSI (Tokoh Akademik/Pejuang Bahasa), *Memartabatkan Bahasa Melayu Sebagai Wahana Ilmu dan Perpaduan*, Y.Bhg. Datuk Dr. Mohd Latiff Abu Bakar, UM (GAPENA/NGO), *Perjuangan Memartabatkan Bahasa Melayu: Cabaran dan Harapan*.

Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia dalam kata-kata aluan buku program kolokium



tersebut antara lain menyebut sebagai pembuat dasar bagi pendidikan negara khususnya yang melibatkan peringkat persekolahan prasekolah, rendah, menengah, menengah atas, matrikulasi dan institut perguruan, pihak kami sentiasa bersikap proaktif, inovatif, konstruktif di samping mengekalkan kelestarian terhadap sistem pendidikan negara khususnya yang melibatkan isu-isu kedaulatan bahasa Melayu. Pihak Kementerian Pelajaran Malaysia sentiasa memberi keutamaan kepada kualiti pencapaian pelajar-pelajar dalam pendidikan dan sepeh mungkin memenuhi kehendak dan keperluan pemegang taruh serta aspirasi rakyat dan negara, apatah lagi berhubung isu bahasa Melayu dalam pendidikan negara serta jati diri rakyat dan negara bangsa. Naib Canselor UMS pula dalam ucapan perasmian kolokium menyatakan bahasa merupakan alat yang penting dalam masyarakat. Tanpa bahasa yang difahami sesuatu masyarakat itu tidak dapat berinteraksi dengan masyarakat lain. Justeru bahasa bolehlah dikatakan cerminan sesuatu masyarakat melalui bahasa yang dituturkannya. Menurut beliau lagi bahasa Melayu mempunyai nilai sastera, budaya dan agama yang tinggi. Semangat dan nilai yang terdapat dalam bahasa Melayu boleh menjadi pendorong yang kuat kepada pengamalannya untuk menggerakkan perkembangan ilmu pengetahuan. Bahasa khususnya bahasa Melayu dalam konteks 1 Malaysia, menjadi wahana untuk membina, membangun dan memupuk persefahaman serta perpaduan rakyat. Kebitaran bahasa Melayu pada abad ke-16 dan ke-17, telah mencapai taraf bahasa antarabangsa, terutama dengan kedudukannya sebagai bahasa



diplomatik, *lingua franca*, bahasa perdagangan sedunia dan bahasa penyebaran agama besar di dunia. Dekan SPPS, UMS merangkap pengerusi kolokium pula menyatakan bahasa Melayu mempunyai potensi menjadi bahasa antarabangsa dalam kata erti yang sebenarnya. Potensi bahasa Melayu menjadi bahasa antarabangsa bukan sesuatu yang mustahil tetapi merupakan fakta yang nyata. Peradaban dunia telah membuktikan bahawa bahasa Melayu telah diberi darjat sebagai bahasa kelima terbesar di dunia. Sehingga kini terdapat lebih 129 buah institusi pengajian tinggi yang menawarkan pengajian bahasa Melayu di 40 buah negara di seluruh dunia. Hal ini menunjukkan bahawa bahasa Melayu amat signifikan kepada kepesatan tamadun manusia.

Timbalan Ketua Menteri Sabah dalam teks ucapan yang disampaikan oleh wakilnya YB Datuk Bobby Suan pada majlis makan malam sempena kolokium tersebut menyatakan bahasa Melayu adalah legasi nenek moyang dan para pejuang kita sejak abad ke-7 dulu. Bahasa Melayu yang kini mampu berdiri sama tinggi dengan bahasa-bahasa utama di dunia lahir menerusi suatu perjuangan selari dengan perjuangan negara mencapai kemerdekaan. Kedaulatan negara terasnya adalah kedaulatan bahasanya. Justeru mendaulatkan bahasa adalah tanggungjawab semua rakyat Malaysia. Bangsa yang merdeka punyai bahasanya sendiri sebagai ikon dan jati diri bangsa dan negara. Justeru, bahasa Melayu perlu sentiasa gagah, hebat dan megah lagi berdaulat. Kegagahan,

kehebatan, kemegahan dan kedaulatan bahasa Melayu bukan sahaja letak pada namanya untuk disebut-sebut, atau slogan untuk dipertonton tetapi lebih daripada itu perlu diserap, diterap dan ditanam kukuh dalam jiwa seluruh rakyat Malaysia dan diamalkan dalam setiap ruang, masa, tempat dan situasi keberadaan rakyatnya, khususnya di bumi tercinta ini. Bahasa yang kita warisi sehingga hari ini adalah untuk diwariskan kepada generasi akan datang. Kita adalah pemegang amanah bangsa dan negara untuk generasi yang akan datang dan adalah tanggung jawab kita memastikan bahawa bahasa Melayu kekal hayatnya serta relevan untuk diwarisi oleh generasi seterusnya sebagai bahasa terulung. Bahasa Melayu adalah bahasa negara. Ia berfungsi sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan, maka statusnya menjadi amat penting sebagai bahasa pengantar sistem pendidikan kebangsaan.

Rata-rata kalangan para perasmii, pembentang dan peserta bersependapat bahawa Martabat Bahasa Melayu perlu dipelihara dan berada di singhansana persada negara sejajar dengan Perlembagaan Negara Malaysia, Perkara 152. Justeru dasar baharu Kementerian Pelajaran Malaysia iaitu Memartabatkan Bahasa Melayu dan Memperkukuh Bahasa Inggeris perlulah dipantau perkembangan dan pelaksanaannya demi menjamin kualiti pendidikan negara dan aspirasi rakyat. Untuk itu slogan Satu Malaysia, Satu Bahasa dan Satu Penerimaan wajar didokong oleh semua rakyat Malaysia tanpa soal.

